فجابت ڤغاره تانه دان ݢالين

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
BANGUNAN SRI PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

PERAK

*Ruj. Tuan:*
*Ruj. Kami:* Bil.( 03 )dlm.PTG.Pk. 163 Jld.34 (A)
*Tarikh:* 30 Jun, 2022

20220713-003

**SEPERTI SENARAI EDARAN**

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERKAITAN DASAR KAWALAN PINDAHMILIK PERUMAHAN KOS RENDAH DENGAN MENGENAKAN SYARAT KEBENARAN PINDAHMILIK UNTUK KATEGORI RUMAH KOS RENDAH BAGI NEGERI PERAK – PEKELILING LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK BILANGAN 1 TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) Bilangan 1 Tahun 2022 (Pekeliling Berkaitan Dasar Kawalan Pindahmilik Perumahan Kos Rendah Dengan Mengenakan Syarat Kebenaran Pindahmilik Untuk Kategori Rumah Kos Rendah Bagi Negeri Perak) seperti **Lampiran I** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa LPHP telah menyediakan Pekeliling Berkaitan Dasar Kawalan Pindahmilik Perumahan Kos Rendah Dengan Mengenakan Syarat Kebenaran Pindahmilik Untuk Kategori Rumah Kos Rendah Bagi Negeri Perak selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (MMK) Bil. 2058 Kertas Bil. 263/09/02/2022 bertarikh 9 Februari 2022.

3. Sehubungan itu, semua Pentadbir Tanah Negeri Perak perlu melaksanakan pemakaian pekeliling tersebut seperti berikut :

i) **Semua permohonan <u>Kebenaran Pindahmilik Tanah (*MB Consent*)</u> bagi Rumah di dalam skim Rumah Perakku I (di dalam Syarat Nyata Tanah sebagai kediaman kos rendah) dan mana-mana rumah yang di dalam Syarat Nyata Tanah sebagai kediaman kos rendah perlulah disertakan surat kebenaran pindahmilik daripada LPHP,**

ii) **Semua permohonan <u>Pendaftaran Pindahmilik Tanah</u> bagi Rumah di dalam skim Rumah Perakku I (di dalam Syarat Nyata Tanah sebagai kediaman kos rendah) dan mana-mana rumah yang di dalam Syarat Nyata Tanah sebagai kediaman kos rendah perlulah disertakan surat kebenaran pindahmilk daripada LPHP; dan**

iii) **Semua permohonan <u>Penyaksian Borang 14A</u> bagi Rumah di dalam skim Rumah Perakku I (di dalam Syarat Nyata Tanah sebagai kediaman kos rendah) dan mana-mana rumah yang di dalam Syarat Nyata Tanah sebagai kediaman kos rendah perlulah disertakan surat kebenaran pindahmilik daripada LPHP.**

....2/

**Telefon:** Pejabat Am - 05-209 5000
**Faks:**
TPTG (Pengurusan) - 05-255 7102
KPPTG (Pembangunan) - 05-241 3615
PPTG (Penguatkuasaan) - 05-254 6520
TPTG (Pendaftaran) - 05-255 5442
KPPTG (Hakmilik) - 05-253 4615
website : http://ptg.perak.gov.my

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO : AR 6045

4. Pemakaian Pekeliling Berkaitan Dasar Kawalan Pindahmilik Perumahan Kos Rendah Dengan Mengenakan Syarat Kebenaran Pindahmilik Untuk Kategori Rumah Kos Rendah Bagi Negeri Perak akan berkuatkuasa bermula **30 Jun 2022**.

5. Semua permohonan kebenaran pindahmilik tanah, permohonan pendaftaran pindahmilik tanah dan permohonan penyaksian Borang 14A sebelum 30 Jun 2022 boleh dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**" WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan amanah,

**( DATO' MOHAMAD FARIZ BIN MOHAMAD HANIP, D.P.M.P, P.M.P, A.M.P )**
Pengarah Tanah dan Galian,
Perak Darul Ridzuan.

s.k : Ketua Pegawai Eksekutif, LPHP

***" SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN "***

**Senarai Edaran:**

1. Pentadbir Tanah,
   Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak,
   Jalan Sultan Yussuf
   **33300 Gerik.**

2. Pentadbir Tanah,
   Daerah Kuala Kangsar,
   Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar,
   **33000 Kuala Kangsar.**

3. Pentadbir Tanah,
   Daerah Kinta,
   Pejabat Daerah dan Tanah Kinta,
   **31000 Batu Gajah.**

4. Pentadbir Tanah,
   Daerah Kerian,
   Pejabat Daerah dan Tanah Kerian,
   **34200 Parit Buntar.**

5. Pentadbir Tanah,
   Daerah Manjung,
   Pejabat Daerah dan Tanah Manjung,
   Kompleks Pentadbiran Daerah Seri Manjung,
   **32040 Seri Manjung.**

6. Pentadbir Tanah,
   Daerah Larut dan Matang,
   Pejabat Daerah dan Tanah Larut dan Matang,
   **34000 Taiping.**

7. Pentadbir Tanah,
   Daerah Hilir Perak,
   Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak,
   **36000 Teluk Intan.**

8. Pentadbir Tanah,
   Daerah Perak Tengah,
   Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah,
   Kompleks Pentadbir Daerah Seri Iskandar,
   **32610 Bandar Baru Seri Iskandar.**

18. Pentadbir Tanah,
Pejabat Daerah dan Tanaah Bagan Datuk,
Batu 23 ½, Simpang Tiga Rungkup, Selekoh,
**36200 Bagan Datuk.**

19. Bar Council Malaysia
No 2, Leboh Pasar Besar,
City Centre,
**50050 Kuala Lumpur**

RECEIVED
13 JUL 2022
TARMIMI
BAR COUNCIL

20. Bar Council Perak
No 41, Jalan Dato Maharajalela,
**30000 Ipoh, Perak**

21. Pengerusi
Rehda Perak
No 1, Hala Istana,
Taman Istana,
**30000 Ipoh, Perak**